

**Oleh Iskandar Shah Mohamed,
Mohd Firdaus Ibrahim dan
Garret Dawum
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur**

Samseng acuan filem Internet

emuat turun filem yang memaparkan adegan kumpulan samseng yang ganas dan zaham melalui Internet dikesan antara punca kalangan remaja teruja menyertai kumpulan kongsi gelap.

Ini ditambah dengan keinginan mereka untuk menjadi kaya dan kuat.

Setakat ini, 23 pertubuhan kongsi gelap di Malaysia diisyitharkan sebagai pertubuhan menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5 (1) Akta Pertubuhan 1966 dengan Nombor Pewartaan P.U(A) 34/2015.

Pertubuhan itu, termasuk Geng 3821, Geng Ngo Sek Kee, Geng Gee Hor Sia, Geng Chong Woh, Geng Gee Long San, Geng Gee It Leng, Geng Gee Hon San, Geng Guat Sam Sia, Geng It Tiam Ang, Geng Lian Heng Siah, Geng Ang Mor Low, Geng Sio Or Leng, Geng Loong Foo Thong, Geng 969 (Kow Lak Kow), Geng 32 Sar Jee, Geng Chaun San, Geng Fong Hong San, Geng Jin Jee Tong, Geng Gee Lam Kok, Geng Hong Fah, Knight Of Right Keepers' @ 'Kappa Rho Kappa' (KRK), Malin Kundang (Sandakan) dan Special Force (Lahad Datu).

Fenomena remaja terbabit dengan kumpulan gengster ini diakui pakar kriminologi Datuk Akhbar Sattar yang mengaitkan lambakan filem berunsur ganas atau perga-duhan mendorong remaja terjebak aktiviti jenayah, termasuk kongsi gelap.

"Sebagai contoh, teori kriminologi dinamakan 'Carthasis vs Precipitation' mengatakan perlakuan jenayah bukan sesuatu diwarisi atau berunsur genetik. Perlakuan jenayah termasuk kongsi gelap sesuatu dipelajari, termasuk daripada filem atau apa yang dilihat sendiri," ka-

■ Remaja terpengaruh aksi ganas teruja serta kumpulan kongsi gelap



Golongan muda rata-ratanya mahu kelihatan gah dan dipandang hebat tanpa memikirkan risiko buruk"

Dr Mohd Shatar Sabran

tanya kepada Harian Metro.

Menurut Akhbar, kebanyakannya remaja yang terbabit ini dikesan mula berjinak-jinak dengan aktiviti vandalisme ketika berusia antara 14 hingga 16 tahun sebelum menyertai kumpulan kongsi gelap apabila dewasa.

Beliau berkata, satu kajian dilakukan di England membuktikan

perkara seumpama itu memang wujud.

"Remaja berusia antara 14 hingga 16 tahun melakukan jenayah dan vandalisme sebaik menonton satu filem berunsur keganasan dan kongsi gelap," katanya.

Justeru, katanya, penggiat seni atau produser filem di tanah air perlu mengelak daripada menghasilkan filem berunsur keganasan, kongsi gelap dan negatif.

"Jika masih mahu melakukan demikian, mereka perlu menggunakan idea kreatif me-nekankan kesan negatif terhadap diri, keluarga dan ma-

syarakat seandainya menjadi ahli kongsi gelap atau terbabit jenayah.

"Contohnya, ada kesan buruk terhadap keluarga dan mereka yang melakukan sesuatu jenayah itu selalunya dipenjarakan," katanya.

Hal ini disokong Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mohammad Rahim Kamaludin yang menganggap watak dalam sebuah filem berupaya mencetuskan kekeliruan pemikiran kepada penonton, sekaligus men-

jadi ikutan, terutama kanak-kanak dan remaja.

"Berdasarkan kajian di luar negara, pemikiran golongan itu masih tidak berkembang sepenuhnya tanpa didikan atau bimbingan golongan dewasa sehingga menyebabkan mereka begitu mudah terikut gaya pakaian, tingkah laku dan percakapan kurang sopan di dalam filem berunsur ganas.

"Impaknya lebih besar jika watak utama itu dipegang idola mereka yang sebelumnya tidak pernah memegang watak jahat. Keadaan itu menjadikan mereka mudah meniru dan antara petanda awal untuk terjerumus dalam gejala sosial, termasuk kongsi gelap," katanya.

Menurutnya, pihak berkaitan sememangnya melakukan pelbagai cara termasuk tapisan dan kawalan mengenai filem seumpama itu sebelum ditayangkan kepada umum.

Pakar Sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Dr Mohd Shatar Sabran pula berkata, tahap



Watak dalam sebuah filem berupaya mencetuskan kekeliruan pemikiran kepada penonton"

Dr Mohammad Rahim

pemikiran rasional golongan muda amat tinggi sehingga menyebabkan mudah terpengaruh dengan apa 'diwanyangkan' depan mata mereka.

"Bagi konteks sosial, apabila seseorang itu didedahkan dengan filem berunsur ganas dalam tempoh jangka panjang antara tiga hingga enam bulan, kebarangkalian untuk mereka terjebak menganggotai kongsi gelap amat tinggi. Ia menjadi lebih drastik sekiranya terdedah dengan faktor persekitaran, terutama rakan turut ke arah sama.

"Faktor psikologi merangkumi keceluaran identiti dicari golongan muda mahu kelihatan gah tanpa memikirkan risiko buruk bakal dihadapi mereka kelak. Sebagai contoh, jika ditegur supaya tidak memanjat, mereka bukan mengikutnya, malah memanjat lebih tinggi," katanya.

